



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN
(PEJABAT CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN
PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI PROGRAM *MALAYSIA MY*
***SECOND HOME* (MM2H)**

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1.1. Garis Panduan ini bertujuan untuk melengkapi peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan Peraturan-peraturan Industri Pelancongan 1992 (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.
- 1.2. Lesen Ibu Pejabat masih sah sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari dari tarikh permohonan.
- 1.3. Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan adalah:
 - (a) modal berbayar diterbitkan sebanyak minima RM200,000.00; dan
 - (b) pemegang saham hendaklah 100% warganegara Malaysia (Bumiputera atau Bukan Bumiputera) atau entiti pemilikan Malaysia.
- 1.4. Syarikat perlu menambah modal berbayar RM50,000.00 bagi setiap cawangan yang dipohon. Sila rujuk **Lampiran A**.
- 1.5. Syarikat hanya dibenarkan untuk menambah cawangan di kawasan bandar sahaja (Majlis Perbandaran dan Bandaraya).
- 1.6. Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah

mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- 2.1. Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran B**.

3. TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1. Melengkapkan maklumat permohonan dalam **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 3.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam TOURLIST.

4. FI PEMROSESAN:

- 4.1. Pembayaran secara atas talian/ *online* **RM50.00** bagi setiap permohonan melalui **TOURLIST**

5. KEPUTUSAN PERMOHONAN:

- 5.1. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui TOURLIST.

6. SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

- 6.1 **Bagi permohonan yang telah DIPERTIMBANGKAN**, pemohon perlu menyediakan premis perniagaan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat pemakluman keputusan permohonan mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:

- (a) Keperluan keluasan premis minima 100 kaki persegi;

- (b) Premis operasi Pejabat Cawangan adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap; dan
- (c) Lokasi/ kawasan komersial yang dilesenkan/ dibenarkan oleh PBT.
- (d) Mengemukakan Lesen Perniagaan dari PBT (pengecualian tertakluk kepada PBT); dan
- (e) Tidak berkongsi dengan apa-apa perniagaan selain yang dilesenkan.

Nota: Surat pemakluman keputusan permohonan yang dikeluarkan adalah terpakai bagi tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh surat pemakluman. Kegagalan pemohon dalam menyediakan premis serta melengkapkan dokumen sokongan di atas akan menyebabkan permohonan yang telah dipertimbangkan terbatal dan permohonan baharu hendaklah dikemukakan.

6.2 Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis iaitu :

- (a) Salinan perjanjian penyewaan premis (*Tenancy Agreement*) yang ditandatangani oleh Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham / Pemilik Syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa/ Surat Kebenaran Menduduki Premis/ salinan Sales & Purchase (S&P) jika premis adalah milik Syarikat/ Dokumen Hak Milik atau Surat Akuan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (jika berkaitan).
- (b) Lakaran pelan lantai;
- (c) Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis; dan
- (d) Mempunyai papan tanda perniagaan bersifat kekal di luar premis (mengikut kesesuaian dan kelulusan PBT/ pemilik bangunan).

6.3 Pemeriksaan premis oleh Pejabat MOTAC Negeri adalah dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap.

6.4 Menjelaskan fi lesen setelah menerima pemakluman pemeriksaan premis dan telah memenuhi semua syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian di dalam TOURLIST.

6.5 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:**

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui **TOURLIST** dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

7. PIAGAM PELANGGAN:

Pemakluman keputusan permohonan dengan bersyarat:

Lima (5) hari bekerja dari tarikh dokumen Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen diperakukan.

Cetakan lesen:

Cetakan lesen boleh dilakukan secara atas talian melalui TOURLIST setelah pembayaran fi lesen dilakukan.

8. **PERINGATAN:** Pesuruhjaya Pelancongan boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya Pelancongan maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

9. FI LESEN:

BIL.	BIDANG	TEMPOH LESEN	FI PEMBAHARUAN LESEN	FI LESEN TAMBAHAN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program <i>Malaysia My Second Home</i> (MM2H)	1 tahun	RM2,500.00	RM1,500.00
		2 tahun	RM5,000.00	RM3,000.00
		3 tahun	RM7,500.00	RM4,500.00
		4 tahun	RM10,000.00	RM6,000.00
		5 tahun	RM12,000.00	RM7,500.00

* Rujuk maklumat fi lesen sedia ada di dalam Akta 482.

10. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 November 2024.

LAMPIRAN A

PENETAPAN PENAMBAHAN MODAL BERBAYAR BAGI TUJUAN MEMBUKA CAWANGAN BAHARU.

CONTOH 1:

Syarikat QMA Adventures (MM2H) Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kuala Lumpur (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dan berhasrat untuk menambah satu (1) cawangan. Syarikat perlu menambah modal berbayar RM50,000.00 bagi setiap cawangan seperti jadual di bawah:

Modal Berbayar Terkini (RM) (a)	Jumlah Modal Berbayar yang perlu ditambah bagi satu cawangan (RM) (b)	Jumlah Modal Berbayar Terkini (RM) (a+b)
	Bandar	
200,000.00		200,000.00
200,000.00	50,000.00	250,000.00
250,000.00	Tiada tambahan	250,000.00

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya
No. Kad Pengenalan.....Jawatan.....
bagi pihak syarikat.....
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bayar TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- (h) akan memastikan pengurusan aduan syarikat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh aduan dilaporkan;
- (i) akan mematuhi peraturan dan kriteria yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan. Sekiranya didapati terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada peraturan dan kriteria tersebut, syarikat bersetuju untuk dikenakan tindakan pembatalan / penggantungan lesen
- (j) saya/kami tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi segala urusan yang berkaitan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen MM2H bagi memastikan kepentingan Kementerian dan pemegang taruh terpelihara;

Borang BA/2

- (k) saya/kami tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan dan keadilan dalam mana-mana proses MM2H ini;
- (l) sekiranya ada sebarang percubaan daripada mana-mana pihak, saya/ kami akan melaporkan dengan seberapa segera kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan. Saya/Kami sedar bahawa kegagalan berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
- (m) saya/kami faham bahawa segala maklumat rasmi yang diperolehi dalam urusan MM2H ini, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi dengan kerajaan Malaysia.

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta 482 atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi

Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :